



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

KARNIVAL ALAM KITA 2026

18 JULAI 2026 (SABTU) | 2:30 PETANG

**DEWAN MUAFAKAT BUKIT GAMBIR, TANGKAK,
JOHOR DARUL TA'ZIM**

[SALUTASI AKAN DIKEMASKINI]

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

- 1. Yang Berbahagia Dato' Khalid bin Mohamed**
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)
- 2. Yang Mulia Ungku Suzana binti Ungku Mohammad**
Pegawai Daerah Tangkak
- 3. Yang Berusaha Tuan Haji Azman bin Haji Ariffin**
Setiausaha Bahagian Pengurusan (Kanan)
- 4. Encik Shamsul Ariff bin Sulaiman**
Yang DiPertua Majlis Daerah Tangkak
- 5. Superintendan Roslan bin Mohd Talib**
Ketua Polis Daerah Tangkak
- 6. Yang Berusaha Tuan Khairulhizam bin Hassan**
Pegawai Pendidikan Daerah Tangkak
- 7. Ketua - ketua Jabatan dan Agensi**
- 8. Pegawai-pegawai Kanan**
- 9. Rakan-rakan media**
- 10. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, pada petang yang penuh bermakna ini kita dapat berhimpun di Dewan Muafakat Bukit Gambir bagi menjayakan Karnival Alam Kita (KAK) 2026 yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).
2. Saya hadir dan berdiri di pentas ini pada hari ini dengan satu perasaan yang amat istimewa. Jika sebelum ini saya sering hadir merasmikan program-program kementerian di pelbagai negeri, pada hari ini saya berpeluang kembali ke "laman sendiri". Sebagai wakil rakyat di kawasan ini, saya amat berbesar hati kerana dapat membawa program yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat di Parlimen Tangkak khususnya penduduk di Bukit Gambir, Johor.
3. Bila kita sebut tentang sumber asli atau kelestarian alam, ramai terus terfikir tentang REE, mineral, e-waste, perubahan iklim atau perhutanan. Semua ini memang penting, tetapi istilah-istilah itu kadang-kadang membuatkan orang rasa ia terlalu teknikal dan hanya melibatkan pakar atau kerajaan. Hakikatnya, semua isu ini sebenarnya sangat dekat dengan kehidupan kita. Udara yang kita hirup, air yang kita minum, makanan yang kita makan, malah cara kita menguruskan sisa di rumah semuanya berkait rapat dengan alam sekitar dan sumber asli negara. Jadi cabaran sebenar bukan

kerana rakyat tidak mengambil berat. Cabarannya ialah bagaimana kita menyampaikan isu-isu ini dalam bahasa yang lebih mudah difahami, lebih dekat dengan kehidupan seharian dan membuatkan rakyat rasa mereka juga mempunyai peranan.

4. Sebab itulah kita memperkenalkan Karnival Alam Kita (KAK). Kita mahu rakyat datang bukan untuk mendengar syarahan atau melihat pameran semata-mata, tetapi untuk mengalami sendiri bagaimana kelestarian boleh dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Daripada mengitar semula e-waste, menghantar minyak masak terpakai, membawa pulang anak pokok hinggalah mengenali peranan agensi-agensi di bawah NRES.
5. Inilah cara kita merakyatkan kelestarian alam dan sumber asli. Sebab itu tema Karnival Alam Kita tahun ini ialah “Alam Kita, Tanggungjawab Bersama.” Kita mahu mesejnya jelas bahawa menjaga alam sekitar bukan tanggungjawab kerajaan semata-mata, tetapi tanggungjawab kita semua.
6. Karnival Alam Kita bukan sekadar pameran semata-mata. Sebaliknya, ia merupakan satu program berasaskan komuniti bagi memberi kesedaran dan pendidikan untuk menyemai ilmu, meningkatkan kefahaman serta memperkasa penyertaan masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar. Agenda kelestarian bukanlah tanggungjawab kementerian semata-mata, tetapi merupakan amanah yang perlu dipikul secara bersama oleh setiap rakyat Malaysia. Dengan kerjasama dan tindakan secara kolektif, kita mampu mewariskan alam sekitar yang bersih, lestari dan sejahtera kepada generasi akan datang .

KARNIVAL ALAM KITA 2026

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

7. Karnival Alam Kita menjadi platform untuk membawa pelbagai maklumat, teknologi, perkhidmatan dan peluang terus kepada rakyat. Kita himpunkan pelbagai agensi kerajaan dan rakan strategik di bawah satu bumbung dengan pelbagai aktiviti untuk semua peringkat umur. Kita nak semua orang balik dengan pengalaman baharu dan rasa bahawa menjaga alam sekitar sebenarnya boleh bermula daripada perkara-perkara yang mudah.
8. Melalui pameran interaktif, program pendidikan, aktiviti kekeluargaan, pemeriksaan kesihatan, jualan produk hijau, kitar semula *e-waste* dan minyak masak terpakai, khidmat agensi kerajaan serta pelbagai pengisian lain, masyarakat bukan sahaja memperoleh ilmu, malah dapat melihat sendiri bagaimana amalan lestari mampu meningkatkan kualiti hidup dan menjimatkan kos kehidupan.
9. Lebih penting, karnival ini membuka ruang kepada rakyat untuk menjadi sebahagian daripada penyelesaian. Kita mahu membina sebuah masyarakat yang bukan sekadar peka terhadap isu alam sekitar, tetapi juga bersedia mengambil tindakan. Kerana usaha menjaga alam sekitar tidak bermula di pejabat kementerian, sebaliknya bermula di rumah, di sekolah, di tempat kerja dan di dalam komuniti kita sendiri.

10. Inilah semangat Karnival Alam Kita yang dianjurkan pada hari ini dengan tema, *“Alam Kita, Tanggungjawab Bersama”*. NRES berhasrat membawa agenda kelestarian lebih dekat kepada rakyat, membudayakan amalan hijau dalam kehidupan seharian, memperkukuh kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta, pertubuhan masyarakat dan komuniti demi membina Malaysia yang lebih bersih, lebih hijau dan lebih mampan.
11. Karnival Alam Kita 2026 menyasarkan penyertaan masyarakat daripada pelbagai lapisan, khususnya keluarga, komuniti setempat, golongan belia, pelajar, pendidik serta pihak berkepentingan dalam sektor alam sekitar. Penganjuran ini memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan pemeliharaan alam sekitar, pengurusan sumber asli secara mampan serta penerapan amalan gaya hidup lestari dalam kehidupan seharian. Selain itu, karnival ini turut menjadi platform untuk memperkukuh hubungan antara kerajaan, industri, komuniti dan masyarakat dalam bersama-sama menyokong agenda kelestarian negara.

BIODIVERSITI DAN PERHUTANAN SERTA MINERAL

Hadirin sekalian,

12. Sedia maklum ketahui, portfolio Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) ini sangat luas, menjangkau dari puncak gunung sehinggalah ke dasar lautan. Apabila kita bercakap tentang perhutanan dan biodiversiti, warga Tangkak dan Bukit Gambir harus berbangga. Pasak bumi daerah kita adalah Taman Negara Gunung

Ledang, sebuah monumen semula jadi yang kaya dengan mitos, sejarah dan nilai ekologi yang tidak ternilai.

13. Pihak NRES menerusi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) memegang amanah untuk melindungi khazanah hutan dan rizab hidupan liar negara. Sebagai bangsa Johor, sudah tentu kita berasa bangga dengan Taman Negara Gunung Ledang dan Taman Negara Endau-Rompin yang kaya dengan kepelbagaian biologi. Hutan-hutan ini bukan sekadar tempat rekreasi, tetapi ia juga merupakan kawasan tadahan air, sumber utama oksigen, penyerap utama karbon, dan benteng pertahanan ekosistem kita.
14. Saya juga amat maklum dengan keluh-kesah penduduk terutamanya pekebun dan peladang berkenaan isu konflik manusia dan hidupan liar khususnya di negeri Johor. Pihak NRES sentiasa cakna dengan rintihan masyarakat berhubung masalah pencerobohan haiwan liar seperti gajah dan kera di kawasan pertanian mereka. Oleh itu, PERHILITAN sedang menggiatkan rondaan berkala, mewujudkan lebih banyak pasukan *Elephant Response Team* (ERT), serta membina Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) di kawasan berisiko tinggi di Johor demi memastikan titik pertemuan yang harmoni antara hidupan liar dan kehidupan rakyat.
15. Di samping hutan hutan dan rizab hidupan liar, tersembunyi di bawah tapak kaki kita ini, sumber kekayaan geologi yang terletak di dasar bumi. Pihak NRES menerusi Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), sedang merangka *road map* bagi penerokaan Unsur Nadir Bumi (*Rare Earth Element* - REE) secara mampan. Ibarat "emas baharu",

REE merupakan bahan asas yang digunakan dalam cip pintar, kenderaan elektrik (EV), telefon pintar, peralatan teknologi hijau seperti turbin angin (*wind turbine*), peralatan pertahanan dan banyak lagi. Potensi REE adalah meluas di kesemua negeri di Malaysia termasuk di Johor.

16. Namun, biarlah saya berterus-terang. Pendirian saya dan NRES kekal utuh. Sebarang aktiviti perlombongan di Johor mesti menuruti Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat. Tiada kompromi untuk perlombongan secara haram. Kelestarian sungai dan kelangsungan hidup rakyat mesti mengatasi sebarang ketamakan keuntungan.
17. Selain itu, JMG juga mempunyai peranan kritikal dalam menangani krisis air. Ketika berdepan ancaman musim kemarau El Nino, warga JMG giat memetakan dan membina telaga tiub (*tube well*) untuk mengekstrak air tanah (*groundwater*) sebagai bekalan air alternatif bagi sektor pertanian dan domestik di kawasan pedalaman Johor.

PEMETAAN UTILITI DAN PERSEMPADANAN

18. Satu lagi jabatan yang jarang didendang tetapi amat penting ialah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Ramai yang bertanya, apa kena-mengena ukur dan pemetaan dengan alam sekitar?
19. Hubungannya amat rapat. JUPEM membekalkan data geospatial yang tepat untuk merancang pembangunan bandar dan daerah. Sebagai contoh, di Tangkak dan Bukit Gambir, sebelum sebarang kelulusan pecah tanah atau pembangunan hartanah diluluskan, kita

memerlukan pemetaan utiliti bawah tanah. Ini bagi mengelakkan insiden tanah runtuh, paip pecah, atau penebangan kawasan sensitif alam sekitar secara tidak sengaja.

20. JUPEM juga merupakan wira sempadan kita. Pengukuran sempadan negeri dan antarabangsa yang jitu oleh JUPEM memastikan setiap inci sumber asli negara, sumber air dan hasil bumi kita terjaga rapi daripada eksploitasi yang tidak sah.

KUALITI ALAM SEKITAR DAN PENGUATKUASAAN

Saudara-saudari, warga Bukit Gambir sekalian,

21. Pembangunan di negeri Johor kini berkembang pesat, terutama dengan wujudnya Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ). Kilang-kilang dan industri mula bercambah. Tetapi, kemajuan ini tidak boleh dibayar dengan harga pencemaran.
22. Jabatan Alam Sekitar (JAS) sentiasa bertindak sebagai mata dan telinga kerajaan. Di kawasan kita ini, kita ada Sungai Kesang dan Sungai Muar yang mengalir tenang. Kita tidak mahu sejarah hitam seperti pencemaran Sungai Kim Kim berulang kembali, apatah lagi di kampung halaman kita sendiri.
23. Saya memberi amaran keras kepada mana-mana kilang industri, bengkel, atau pihak tidak bertanggungjawab: JAS tidak akan teragak-agak untuk mengenakan tindakan tegas, menggantung lesen operasi dan mengheret penderhaka alam sekitar ini ke muka pengadilan jika didapati membuang sisa toksik ke dalam sungai atau parit kita.

PERUBAHAN IKLIM, SISA PEPEJAL DAN PROGRAM DUTA MUDA ALAM

24. Seterusnya, kita harus sedar bahawa ancaman terbesar umat manusia hari ini ialah perubahan iklim. Cuaca kini tidak menentu. Kadang-kadang hujan lebat yang ekstrem membawa kepada banjir kilat; kadang-kadang kemarau berpanjangan merosakkan hasil tanaman pekebun kita.
25. Tahukah tuan-tuan, sebahagian besar banjir kilat yang berlaku di taman-taman perumahan dan kampung-kampung kita berpunca daripada sistem saliran yang tersumbat dengan botol plastik, bekas makanan dan sampah sarap? Sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, tabiat membuang sampah merata-rata hendaklah dihentikan. Hal ini bukan sahaja untuk menjamin kebersihan, malah mengelak musibah seperti banjir kilat.
26. Pada hari ini, pihak NRES juga menjalankan aktiviti kitar semula barangan e-sisa (*e-waste*) seperti telefon lama, televisyen yang rosak, atau bateri yang tidak lagi berfungsi. Barang-barang seperti e-waste ini jangan dibuang di tong sampah biasa kerana ia mengandungi bahan kimia yang akan meresap ke dalam tanah dan meracuni air minuman kita. Lupuskanlah e-waste secara teratur demi alam sekitar yang lestari.
27. Bagi memastikan perjuangan ini berterusan, pihak NRES buat pertama kalinya telah melancarkan Program Duta Muda Alam. Program latihan kesedaran alam sekitar di kalangan remaja sekolah

ini bertujuan untuk membina pemimpin masa depan yang cakna kepada pemuliharaan alam sekitar. Saya mahu melihat anak-anak muda dari sekolah-sekolah di sekitar Bukit Gambir dan Tangkak ini bangkit memimpin menjadi Duta Muda Alam. Anak-anak yang kita latih inilah yang akan membimbing rakan-rakan, malah berkongsikan dengan ibu bapa masing-masing tentang amalan gaya hidup lestari. Ibu bapa yang hadir pada hari ini jangan pula terkejut jika anak-anak kita menegur kerana masih menggunakan plastik sekali guna semasa membeli belah. Anak-anak muda inilah pencetus perubahan khususnya revolusi hijau di Johor!

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

28. Hadirin yang saya raikan, pepatah Melayu ada menyebut, “Gunung sama didaki, lurah sama dituruni.” NRES tidak mempunyai tongkat sakti untuk memulihkan alam tanpa campur tangan dan sokongan padu daripada masyarakat. Kita harus melakukannya secara kolektif, kerajaan, swasta dan rakyat jelata.
29. Saya merakamkan setinggi penghargaan kepada seluruh masyarakat di Parlimen Ledang yang telah meluangkan masa menghadiri Karnival Alam Kita pada hari ini. Semoga pengalaman anda pada hari ini dapat membawa bersama kesedaran untuk mempraktikkan amalan gaya hidup lestari di rumah masing-masing. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua jabatan/ agensi di negeri Johor khususnya Majlis Daerah Tangkak dan Pejabat Pendidikan

Daerah Tangkak di atas kerjasama serta sokongan yang telah diberikan bagi menjayakan program karnival pada hari ini.

30. Akhir kata, dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasa penuh takzim, merasmikan penutupan Karnival Alam Kita Peringkat Negeri Johor bagi tahun 2026.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.